

Ruj. Kami : **ANM.PK.UPA/600-1/1/3(21)**

Tarikh : 23 November 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**MAKLUMAT TAMBAHAN PENENTUAN KOD PROGRAM ATAU AKTIVITI BAGI PINDAHAN
ASET SELAIN ASET DALAM PEMBINAAN (AUC)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada buletin no. rujukan ANM.PK.UPA/600-1/1/3(19) bertarikh 11 November 2020 Penentuan Kod Program atau Aktiviti Bagi Pindahan Aset Selain Aset Dalam Pembinaan (AUC) adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, mengenai prosedur perakaunan bagi **pindahan aset**, dimana ia hanya membenarkan pindahan dilakukan dalam **Vot/Dana yang sama dan Kod Akaun yang sama**.

3. Dalam menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan prosedur perakaunan bagi pindahan aset ini, PTJ Terima Aset Pindahan (*Asset Receiver*) **dibenarkan** mewujudkan **Data Induk Aset baru dengan menggunakan Vot/Dana G000/P00/S00 sahaja tanpa perlu mengisi baris caj penuh berdasarkan situasi yang dimaklumkan** dalam surat JANM/BPOPA.600-1/4/1(13) melalui emel sebelum ini. Kebenaran ini **tidak terpakai** kepada **Aset dalam Pembinaan (AUC)**.

4. Sehubungan itu, adalah diharap penjelasan di atas dapat meningkatkan kefahaman semua pihak dan seterusnya memantapkan prosedur perakaunan aset. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

**UNIT PENGURUSAN ASET
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**